

Samseng Afrika mula berkepak

MINGGUAN MALAYSIA 04/10/2014 M/S 15




KOFI PANAS

Oleh
**ROZAMAN
ISMAIL**

TINDAKAN samseng ala gengster warga Nigeria yang menyerang dan mencederakan sekumpulan anggota polis yang sedang menjalankan tugas baru-baru ini adalah 'mimpi ngeri' yang bertukar menjadi realiti kepada seluruh rakyat Malaysia. Perbuatan menyerang anggota pasukan keselamatan menjadi 'kemuncak' kepada keberanian mereka. Anggota polis itu dipercayai dipukul, dipijak dan ditumbuk pada bahagian muka dalam kejadian tersebut. Bayangkanlah apabila hampir satu platon warga Afrika menyerang empat anggota polis!

Isu kebanjiran warga Afrika terutama dari Nigeria yang menimbulkan rasa bimbang rakyat setempat pernah beberapa kali disentuh dalam kolum ini



CERITA-CERITA bagaimana kumpulan warga Afrika menguasai satu-satu kawasan taman atau apartmen sudah berlaku di mana-mana sahaja. Ini bukan cerita yang direka atas dasar perkauman atau rasis. Ini cerita betul. - **GAMBAR HIASAN**

kerana bilangan mereka sudah terlalu ramai sehingga mampu membina koloni di tempat-tempat tertentu.

Biasalah bila sudah ramai, ada puak, perengai mula jadi berani macam tinggal di tanah tumpah darah negara sendiri. Rasa hormat kepada masyarakat tempatan dan negara ini sudah hilang. Maklumlah fizikal besar-besar, nampak kasar dan ganas. Mereka seolah-olah bebas lepas di negara ini.

Peraturan kemasukan mereka perlu diperketatkan. Syarat-syarat untuk melanjutkan pelajaran ke universiti atau kolej swasta di sini juga perlu dinilai semula. Contohnya hanya mereka yang layak melanjutkan pelajaran di peringkat pascasiswazah sahaja diberi visa. Bukannya yang datang mahu 'melanjutkan pelajaran' di peringkat sijil atau diploma dalam jurusan atau kursus yang dianggap tidak mencabar dan diragui seperti hospitaliti dan pelancongan.

Sudah banyak kes warga Afrika mendaftar di kolej-kolej swasta, belajar tidak

Sebelum ini mereka sekadar menjadi 'langau' yang mengganggu keharmonian hidup masyarakat setempat atau menjadi scammer di alam maya menerusi pelbagai jenis penipuan. Hampir setiap hari ada sahaja mangsa yang terpedaya dan tersungkur. Jumlah wang yang terlibat juga bukan sedikit malah ada yang mencecah setengah juta. Tangkapan demi tangkapan juga dilakukan oleh pihak berkuasa. Bagaimanapun kali ini mereka dikira sangat berani dan melampau apabila sudah berani 'menyentuh' tubuh badan anggota pasukan keselamatan.

Perbuatan pendatang yang paling tak diundang dan paling biadab ini ibarat sudah naik tocang dan cuba mencabar kedaulatan undang-undang negara. Perbuatan menyerang dan mencederakan polis yang sedang menjalankan tugas bukan perkara kecil. Bayangkanlah kalau anggota polis berani diusik dan disentuh, macam mana pula dengan rakyat biasa? Pendatang asing warganegara lain pun ada yang terlibat dengan jenayah, tetapi setakat ini tidak kedengaran lagi mereka berani 'menyentuh' anggota polis

atau anggota keselamatan lain.

Cerita-cerita bagaimana kumpulan warga Afrika menguasai satu-satu kawasan taman atau apartmen sudah berlaku di mana-mana sahaja. Ini bukan cerita yang direka atas dasar perkauman atau rasis. Ini cerita betul

Tanyalah para penghuni yang tinggal di pangsupuri tempat di mana berlaku insiden tersebut baru-baru ini. Nama cukup cantik dan seolah-olah menjanjikan kedamaian hidup, hakikatnya penduduk memendam rasa, makan hati melihat sikap penyewa dalam kalangan warga Afrika yang seperti tak bertamadun. Penghuni di situ hidup dalam keadaan stres, tertekan, merasa tidak selamat dan diselubungi rasa takut. Setiap malam mereka berhadapan dengan warga Afrika yang mabuk sehingga tahap terlentang dan terbungkam di kaki lima, pergaduhan dengan penduduk setempat atau sesama mereka atau pendatang lain, memekak hingga ke dini hari dan ada yang mendakwa sudah ada sesetengah wanita menawarkan perkhidmatan seks di situ.

Kesian sungguh kepada warga Afrika lain yang *genuine* merantau ke negara

“
Biasalah bila sudah ramai, ada puak, perangai mula jadi berani macam tinggal di tanah tumpah darah negara sendiri. Rasa hormat kepada masyarakat tempatan dan negara ini sudah hilang.

ini untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti ternama atau menjalankan perniagaan yang sah di sisi undang-undang kerana turut terkena tempias dan dipandang serong. Mereka datang untuk menuntut ilmu atau berniaga. Bukan datang mencari 'lesen; besar untuk tinggal lama di negara ini dengan cara mendaftar sebagai pelajar pusat pengajian tinggi di kolej entah apa-apa. Kemudian

menjalankan sindiket scam cinta atau mencari rakan kongsi bagi 'menyelamatkan' harta peninggalan raja Afrika yang tak pernah wujud atau berniaga dadah sintetik.

Apa yang berlaku ke atas anggota polis baru-baru ini adalah perbuatan melampau yang tidak boleh dimaafkan. Biarlah ini kali pertama dan terakhir berlaku. Jika anggota keselamatan negara sudah menjadi sasaran samseng atau gengster, agak-agaknya selepas ini apa lagi keberanian yang bakal dilakukan?

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri turut mengutuk keras kejadian tersebut sambil menegaskan kerajaan tidak akan berkompromi dengan mereka yang melanggar undang-undang negara atau mengganggu anggota penguat kuasa yang sedang menjalankan tugas. Beliau mahu siasatan penuh ke atas warga asing terlibat dilakukan dan tindakan sewajarnya diambil segera. Setakat ini sudah 18 suspek ditahan. Polis masih lagi memburu sebahagian lagi yang masih bebas.

Salah satu punca yang menyebabkan warga Afrika terutama dari Nigeria ini begitu berani melanggar undang-undang negara

kolej swasta, belajar tidak sampai satu semester, kemudian tidak datang kelas, hilang dan alih-alih ditangkap kerana menjadi scammer! Masalahnya banyak kolej swasta yang begitu kemaruk dan terdesak mencari pelajar asing kerana tidak mendapat sambutan daripada pelajar tempatan kerana kualiti pendidikan yang ditawarkan. Sesetengah kolej swasta meletakkan syarat kelulusan minimum sebagai 'umpan' bagi menarik pelajar dari benua tersebut untuk datang ke Malaysia. Malaysia adalah 'lubuk segala kemewahan' pada pandangan kebanyakan pendatang asing.

Perkara ini perlu dihentikan. Pihak berkuasa tidak lagi boleh memberi ruang sedikit pun kepada mereka untuk mencuri masuk menerusi kaedah sedemikian. Kebanjiran warga Afrika sudah lama berlaku dan kesan buruk sudah mulai dirasai sedikit demi sedikit. Sejak kejadian polis diserang, rakyat kebanyakan mula hidup dalam ketakutan. Pasukan keselamatan sudah lama 'bertarung' dengan samseng dan gengster tempatan. Pertarungan ini nampaknya berterusan dengan kewujudan samseng-samseng baharu dari benua Afrika.